

## **Pembelajaran Peribahasa Menurut Perspektif KSSM Bahasa Melayu: Analisis Menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif**

***The Learning of Proverbs According to the KSSM Bahasa Melayu Perspective: An Analysis Using The Inquisitive Semantics Approach***

Mohd Ridzuan Md Nasir  
[wan\\_rabbani@yahoo.com.my](mailto:wan_rabbani@yahoo.com.my)

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, Malaysia

Mary Fatimah Subet  
[sufatimah@unimas.my](mailto:sufatimah@unimas.my)

Institute of Creative Arts and Technology (iCreate)  
Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, Malaysia

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, Malaysia

**Published:** 28 April 2024

**To cite this article (APA):** Md Nasir, M. R., & Subet, M. F. (2024). Pembelajaran Peribahasa Menurut Perspektif KSSM Bahasa Melayu: Analisis Menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif. *PENDETA*, 15(1), 81–93.  
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.7.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.7.2024>

### **ABSTRAK**

Merujuk KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5, penguasaan peribahasa murid perlu merangkumi kemahiran memahami, menghubungkaitkan maksud dengan betul mengikut konteks, menghayati makna serta mengapresiasi peribahasa. Oleh itu, makalah ini bertujuan mengenal pasti Pendekatan Semantik Inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah berdasarkan matlamat KSSM Bahasa Melayu. Kajian yang menggunakan kaedah analisis relasional (semantik) ini adalah berdasarkan Kerangka Kajian Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Data kajian diambil daripada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5. Hasil kajian menunjukkan melalui analisis semantik inkuisitif, pembelajaran peribahasa berlaku secara menyeluruh bermula dengan memahami maksud kamus, diikuti dengan menghubung kait makna peribahasa mengikut konteks dan akhir sekali meneroka makna untuk mencungkil falsafah dan akal budi Melayu di sebalik pembentukan peribahasa.

**Kata kunci:** peribahasa Melayu; Semantik Inkuisitif; Teori Relevans; falsafah dan akal budi

### **ABSTRACT**

*Referring to the KSSM Bahasa Melayu curriculum for Forms 4 and 5, students' mastery of proverbs needs to include the ability to understand the meaning, relate the meaning correctly to the context, and appreciate the proverbs. Therefore, this paper aims to identify the Inquisitive Semantic Approach as a method for learning proverbs at the secondary school level based on the KSSM Bahasa Melayu curriculum. This study uses the relational (semantics) analysis method based on the Inquisitive Semantic Study Framework by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). The data for this study is taken from the Malay language textbooks for Forms 4 and 5. The results of the study show that through inquisitive semantic analysis, the learning of proverbs occurs comprehensively, starting with understanding the dictionary meaning, followed by linking the meaning of the*

*proverb to the context, and finally exploring the meaning to uncover the philosophy and Malay wisdom behind the formation of the proverbs.*

**Keywords:** Malay proverbs; Inquisitive Semantics; Relevans Theory; philosophy and wisdom

## PENGENALAN

Melalui kemahiran berbahasa dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu, lima modul utama telah disusun iaitu modul kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan tatabahasa. Bagi aspek seni bahasa, tumpuan diberikan kepada kebahasaan dan kesusastraan yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Kemahiran menguasai seni bahasa merangkumi keupayaan memahami, mengapresiasi serta menguasai peribahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2018). Menurut Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019), pada dasarnya, pembelajaran peribahasa dilihat relevan melalui proses pembelajaran bahasa jika murid dapat menguasai makna peribahasa dengan baik. Kemahiran berbahasa dapat diperhatikan dalam konteks kebolehan murid menggunakan peribahasa dalam aktiviti pembelajaran. Hasil penulisan karangan tentunya akan menjadi lebih menarik apabila penggunaan peribahasa bersesuaian diaplikasi sekali gus dapat menonjolkan ketinggian berbahasa dalam kalangan murid.

Namun begitu, jika tahap pengetahuan makna peribahasa murid berada pada tahap sederhana dan lemah, pasti menyukarkan murid daripada menggunakan peribahasa dalam aktiviti pembelajaran bahasa dan dalam proses komunikasi (Ahmad Mahmood Musanif, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Nor Azuwan Yaakob & Norizan Che Su, 2011). Menurut Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010), murid perlu diajar dengan penggunaan peribahasa yang betul. Bukan hanya berfokus kepada makna permukaan semata-mata tetapi memahami makna peribahasa dengan lebih mendalam dan menyeluruh. Oleh hal yang demikian, kaedah pengajaran peribahasa yang bersesuaian perlu dikenal pasti oleh guru.

Kajian ini mencadangkan agar kandungan pengajaran peribahasa di dalam bilik darjah menggunakan pendekatan yang lebih bersifat konstektual dan inkuiiri, iaitu murid diberi peluang untuk meneroka makna implisit peribahasa yang dipelajari. Cadangan ini dilihat amat bersesuaian dengan kandungan dan kehendak KSSM Bahasa Melayu, iaitu menggunakan pendekatan dan strategi Pembelajaran Berasaskan Inkuiiri dalam pembelajaran bahasa. Merujuk dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5, pendekatan pembelajaran berdasarkan inkuiiri dicadangkan sebagai salah satu kaedah pembelajaran bahasa yang bertujuan untuk membina kognitif ataupun merangsang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) serta melahirkan murid yang mempunyai tahap pemikiran menganalisis dan menilai (KPM, 2018). Berdasarkan kenyataan ini, pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) untuk menganalisis makna peribahasa secara mendalam dilihat amat bersesuaian dengan kaedah pembelajaran berdasarkan inkuiiri yang dicadangkan.

Nor Hashimah Jalaluddin (2014), dalam bukunya yang bertajuk *Semantik dan Akal Budi Melayu* telah memperkenalkan pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa sehingga menemui akar umbi dan seterusnya mencapai kepada falsafah dan akal budi Melayu. Kaedah menganalisis makna peribahasa menggunakan semantik inkuisitif melibatkan tiga tahap, iaitu semantik skrip yang melibatkan makna permukaan, diikuti semantik resonans yang dikaitkan dengan data, teori dan kognitif penutur serta akhir sekali semantik inkuisitif untuk mencungkil falsafah dan akal budi Melayu dengan mempersoalkan sebab pemilihan objek atau imej yang digunakan dalam peribahasa. Walaupun semantik inkuisitif pada dasarnya digunakan untuk kajian makna dalam bidang linguistik, kajian ini berpendapat pendekatan semantik inkuisitif dapat dimanfaatkan sebagai kaedah pembelajaran peribahasa pada peringkat sekolah menengah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan semantik inkuisitif sebagai satu alternatif kepada kaedah pembelajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah berpandukan strategi-strategi pembelajaran bahasa yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5.

## KAJIAN LEPAS

Merujuk kepada perspektif kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa, pengkaji menemui beberapa kajian lepas dari Malaysia yang memperkenalkan pelbagai pendekatan pembelajaran peribahasa di dalam bilik darjah. Kebanyakan kajian lepas memberi tumpuan kepada penggunaan aplikasi dan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa seperti kajian dilakukan oleh Azrizan Abu Bakar et al. (2020) yang memperkenalkan aplikasi *i-Kit Peribahasa Unggul* berasaskan teknologi *Augmented Reality* kepada murid sekolah rendah. Manakala kajian oleh Norleyza Jailani et al. (2020) pula telah membangunkan aplikasi multimedia berasaskan peranti *Kinect* untuk pengajaran dan pembelajaran peribahasa bagi kegunaan murid peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Seterusnya, kajian oleh Nurul Amisyah Nabila Jaafar, Nurul Farah Nadiah Maspur, Nurul Balqish Mat Jurut dan Zuraida Ibrahim (2022) juga memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang membangunkan aplikasi *Meneroka Peribahasa: Aplikasi Permainan Dan Pembelajaran Peribahasa Melayu* untuk peringkat sekolah rendah. Selain pendekatan yang mengaplikasikan teknologi maklumat dan digital untuk kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa, terdapat juga kajian pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang memperkenalkan pendekatan pembelajaran berasaskan projek seperti kajian yang dilakukan oleh Datu Ramlee Datu Amir Hussin (2020). Kajian ini memberi tumpuan kepada pembinaan buku skrap oleh murid-murid sendiri iaitu murid-murid perlu menyenaraikan peribahasa dan maksud yang diperoleh daripada kamus.

Selain itu, kajian berkaitan pembelajaran peribahasa turut dijalankan oleh pengkaji dari luar negara dalam pelbagai skop. Seperti kajian dilakukan oleh Rahmat Subadah (2020) yang membangunkan aplikasi Pintar Peribahasa berpandukan teknologi maklumat dan digital untuk kegunaan dalam pembelajaran peribahasa bagi murid sekolah rendah di Singapura. Manakala kajian oleh Saprilline, Dina Mardiana, dan Simpurna (2023) memberi tumpuan kepada penghasilan modul peribahasa berbahasa Dayak Ngaju-Indonesia berdasarkan cerita rakyat untuk digunakan dalam pembelajaran peribahasa di sekolah dasar. Seterusnya, kajian oleh Samathayakul dan Thamaduangsri (2022) pula adalah membangunkan kaedah pembelajaran peribahasa Thailand menggunakan kepelbagaian media untuk kegunaan pelajar kurang upaya (penglihatan) di peringkat pengajaran tinggi.

Setelah pengkaji melakukan penelitian dan perbandingan terhadap kajian-kajian lepas dari dalam dan luar negara berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa, kebanyakan kajian lepas seperti kajian oleh Azrizan Abu Bakar et al. (2020), Norleyza Jailani et al. (2020), Nurul Amisyah Nabila Jaafar et al. (2022), Rahmat Subadah (2020) dan Samathayakul dan Thamaduangsri (2022) dilihat lebih tertumpu kepada kaedah pembelajaran yang mengaplikasikan teknologi digital dan kepelbagaian media. Pada dasarnya, penerapan unsur teknologi dalam proses pembelajaran sememangnya dapat membantu menarik minat pelajar dan merangsang pembelajaran aktif di dalam bilik darjah (Azrizan Abu Bakar et al., 2020; Nurul Amisyah Nabila Jaafar et al., 2022; Rahmat Subadah, 2020). Walau bagaimanapun, menurut pendapat kajian ini, penggunaan teknologi digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kekurangannya dalam beberapa aspek tertentu. Hal ini demikian kerana, menurut Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019), fasiliti berasaskan kelengkapan teknologi digital di sekolah-sekolah dalam negara belum lagi lengkap atas beberapa faktor seperti kedudukan sekolah yang berada di pinggir dan luar bandar dan masih ramai guru yang belum mendapat pendedahan sepenuhnya terhadap penggunaan teknologi digital dalam pengajaran. Pada dasarnya, penggunaan perisian dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan perantara seperti komputer dan telefon pintar dilihat masih terbatas dalam keadaan tertentu (Mohd Ridzuan Md Nasir, 2019). Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar kaedah pengajaran peribahasa yang digunakan haruslah bersifat praktikal dan fleksibel serta bersesuaian dengan keadaan semasa prasarana sekolah. Selain itu, kajian-kajian lepas juga dilihat hanya memberi tumpuan terhadap penguasaan makna peribahasa secara permukaan sahaja atau pada peringkat semantik skrip, iaitu makna yang diperoleh daripada kamus-kamus peribahasa. Menurut pendapat pengkaji, selain memahami makna peribahasa yang diperoleh daripada kamus, pelajar juga perlu didedahkan dengan makna kognitif dan

makna abstrak peribahasa supaya dapat menghubungkaitkan makna tersurat dan tersirat peribahasa dalam konteks yang sebenar.

Menurut cerapan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian lepas berkaitan tahap penguasaan peribahasa dan makna pula, pengukurannya dalam kalangan pelajar sekolah di negara ini masih lagi berada pada tahap lemah dan sederhana. Hasil daripada dapatan kajian oleh Azarudin Awang, Che Zuina Ismail, Wan Helmy Shahriman dan Rubiah Abu Bakar (2022), Azrizan Abu Bakar et al. (2020), Datu Ramlee Datu Amir Hussin (2020), dan Tang, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa dan Norfaizah Abdul Jobar (2021) telah menunjukkan kebanyakannya pelajar masih lagi lemah dalam penggunaan peribahasa sama ada secara lisan mahupun penulisan. Kelemahan menguasai peribahasa dan makna mengikut konteks sebenar dalam berkomunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan boleh mengakibatkan timbulnya pelbagai masalah dalam proses pembelajaran kepada pelajar. Kesilapan mentafsir makna asal peribahasa akan turut merosakkan estetika warisan bangsa ini jika tidak digunakan secara tepat. Oleh itu, jelaslah bahawa guru perlu mengenal pasti satu kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang menyentuh kepelbagaian aspek secara menyeluruh dalam pelbagai konteks untuk diaplikasikan di dalam bilik darjah bersama pelajar. Hal ini kerana pemilihan strategi-strategi pembelajaran yang digabungjalinkan dengan baik dapat membantu pelajar memahami makna peribahasa secara lebih abstrak dan bukan hanya menguasai maksud peribahasa dengan pandangan mata kasar sahaja tetapi juga menggunakan akal budi. Oleh hal yang demikian, kajian ini berpendapat pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan untuk menganalisis makna peribahasa secara mendalam dan menyeluruh dalam bidang linguistik dapat dimanfaatkan sebagai kaedah pembelajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah terutamanya untuk kelas menengah atas. Hal ini kerana, semantik inkuisitif didasari oleh konsep pembelajaran peribahasa secara inkuiiri dan bersifat multidisplin yang dilihat bersesuaian dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5, iaitu pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiiri dan penerapan unsur Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam proses pembelajaran bahasa.

Seterusnya, pengkaji melakukan sorotan terhadap kajian lepas yang menganalisis makna peribahasa dan akal budi yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif sebagai pendasar kajian. Kajian-kajian lepas yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif kebanyakannya dilandaskan kepada bidang linguistik yang menganalisis peribahasa berunsurkan imej alam seperti haiwan sebagai subjek kajian mereka seperti angsa, itik, ayam, musang, burung, katak, harimau dan gajah (Muhammad Nor Sahfiq Amran & Julaina Nopiah, 2020; Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet, 2019, 2022; Murthy & Mary Fatimah Subet, 2019, 2020; Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli & Maizura Osman, 2023). Terdapat juga kajian lepas yang hanya menggunakan peribahasa berunsurkan imej tumbuhan dalam kajian mereka seperti lada hitam, padi, rumput, halia, kunyit dan bunga (Junaini Kasdan & Julaina Nopiah, 2021; Kinanti & Rachman, 2019; Murthy, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud, 2019b, 2019c; Aisa Nurfika Mohd Sabarudin & Nurul Jamilah Rosly, 2021). Selain daripada peribahasa berunsurkan haiwan dan tumbuhan, terdapat juga kajian yang menggunakan subjek lain sebagai data kajian mereka seperti seni bina Melayu (Muhamad Fadzillah Zaini & Nor Hashimah Jalaluddin, 2019), makanan (Murthy, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud, 2019a), anggota badan (Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah & Mary Fatimah Subet, 2021), konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu (Aminnudin Saimon & Muhammad Asyraf Md. Rashid, 2022), unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu (Julaina Nopiah & Fikratul Jahriyyah Anuar, 2023) dan pendidikan (Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir, 2019; M. Zahir Zazuli & Hermandra, 2023). Kajian-kajian yang telah dilakukan ini pada asasnya didasari oleh bidang linguistik bertujuan untuk mengkaji fenomena dan lakukan bahasa sahaja dalam memahami makna implisit peribahasa tersebut melalui perspektif semantik inkuisitif. Oleh itu, makalah ini bertujuan mempelbagaikan variasi kajian makna peribahasa dan semantik inkuisitif dengan mengambil data berkaitan kandungan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah.

Melalui cerapan pengkaji lagi, jumlah kajian yang menggunakan semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah masih dikira sangat sedikit. Walaupun terdapat kajian lepas yang menggabungjalinkan pendekatan semantik inkuisitif ke dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa seperti yang dilakukan oleh George Romiko Bujang dan Mary

Fatimah Subet (2022a, 2022b), namun kajian ini tidak menggunakan data peribahasa tetapi menumpukan kepada unsur seni bahasa yang lain seperti syair, sajak dan pantun. Manakala kajian yang dilakukan oleh Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) pula menganalisis peribahasa berdasarkan tema yang diperoleh daripada Kamus Peribahasa oleh Mohd. Tajuddin Abd. Rahman (2017), iaitu peribahasa yang bertemakan hal-hal kehidupan, kekeluargaan dan nasib manusia. Walau bagaimanpun, sumber data peribahasa yang dianalisis dalam kajian Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) diambil daripada sumber lama, iaitu buku teks Bahasa Melayu di bawah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (1989-2017) yang dilihat tidak lagi relevan dengan situasi semasa. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah telahpun digantikan dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017. Kurikulum Standard Sekolah Menengah dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 pula mula diperkenalkan pada tahun 2018 dan kemudiannya buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 terbaru diterbitkan pada tahun 2019 manakala untuk buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 terbaru pula diterbitkan pada tahun 2021 (KPM, 2018). Oleh itu, kajian ini berpendapat perlunya kajian lanjutan dilakukan untuk mengisi kelompong kajian lepas. Kajian ini dilakukan untuk mengembangkan dan menambahbaik kajian sedia ada dengan menggunakan sumber dan data yang terkini. Hal ini kerana, analisis terhadap peribahasa dengan domain atau tema yang berbeza akan menghasilkan nilai dan pengajaran yang berbeza serta memberi peluang kepada pengkaji untuk meneroka ilmu baharu.

## METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini direka bentuk dengan berpandukan kaedah kualitatif menerusi pendekatan analisis kandungan yang menggunakan kaedah analisis relasional atau dikenali juga sebagai analisis semantik. Kaedah analisis relasional (semantik) dipilih kerana kajian ini mengkaji hubungan antara konsep-konsep bermakna (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2018). Teknik persampelan bertujuan untuk memenuhi tujuan kajian, iaitu data utama kajian diperoleh daripada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Selain itu, kajian ini juga menggunakan data sokongan dengan merujuk dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 untuk meneliti beberapa cadangan strategi pembelajaran bahasa dan Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka serta kamus-kamus peribahasa.

Setelah menentukan sumber data, pengkaji melakukan semakan dan penelitian secara terperinci terhadap buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 untuk mengumpulkan bilangan peribahasa. Data ini digunakan untuk menyokong dapatan kajian. Dapatan daripada pengumpulan data ini diuraikan secara deskriptif dengan menggunakan kiraan peratusan mudah. Kajian ini mendapati jumlah data yang terkumpul adalah sebanyak 180 peribahasa yang terdiri daripada simpulan bahasa (43%), bidalan (27%), pepatah (21%) dan perumpamaan (9%). Pecahannya adalah 91 peribahasa daripada buku teks tingkatan 4 dan 89 peribahasa daripada buku teks tingkatan 5. Pengelasan data mengikut kategori peribahasa ini dilakukan dengan merujuk Kamus Peribahasa oleh Mohd Tajuddin Abd. Rahman (2022). Data yang terkumpul ini kemudian akan dikelompokkan semula mengikut tema tertentu yang akan ditunjukkan pada bahagian dapatan kajian. Jadual 1 memaparkan bilangan, jumlah dan peratusan data yang terkumpul mengikut kategori peribahasa.

**Jadual 1.** Pemerolehan data mengikut kategori peribahasa

Kategori Peribahasa	Buku Teks Ting. 4	Buku Teks Ting. 5	Jumlah	Peratusan
Simpulan bahasa	36	42	78	43
Bidalan	27	22	49	27
Pepatah	21	16	37	21
Perumpamaan	7	9	16	9
Jumlah Keseluruhan	91	89	180	100

Setelah data berjaya dikumpulkan, pengkaji mengelompokkan pula peribahasa mengikut tema tertentu berdasarkan asosiasi makna. Penentuan tema dilakukan dengan mengadaptasi 18 tema daripada Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu di bawah cadangan pembelajaran bertema, iaitu Pendekatan Tematik. Hal ini kerana, melalui pemerhatian pengkaji tema-tema ini juga turut diguna pakai sebagai pendekatan pembelajaran bertema dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Oleh hal yang demikian, tema-tema ini dipilih adalah berdasarkan kepentingannya sebagai kandungan pembelajaran untuk subjek Bahasa Melayu tingkatan 4 dan tingkatan 5. Walau bagaimanapun, sebagai batasan dan fokus analisis data untuk makalah ini, hanya satu tema sahaja dipilih, iaitu tema ‘Pendidikan’. Tema ‘Pendidikan’ dipilih kerana pengkaji melihat kepentingan pendidikan sebagai medium untuk melahirkan masyarakat dan generasi yang bertamadun, terdidik, berilmu, mempunyai nilai dan kesopanan budi bahasa yang tinggi (Nor Hani Suhaimi & Mohamad Nik Mat Pelet, 2024). Seterusnya, penentuan peribahasa berdasarkan tema ini dilakukan dengan merujuk asosiasi makna peribahasa dengan tema tersebut. Justifikasi pengkaji mengkategorikan peribahasa berdasarkan tema kerana dapat membantu pengkaji mengecilkan skop kajian dan melakukan analisis data dengan lebih berfokus dan terkawal. Data yang terpilih dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka kajian Semantik Inkuisitif yang diubah suai daripada Nor Hashimah Jalaluddin (2014)

#### TAHAP 1: SEMANTIK SKRIP

Merujuk Rajah 1, kerangka kajian semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014) melibatkan tiga tahap analisis. Tahap satu adalah semantik skrip yang melibatkan analisis makna permukaan yang diberikan oleh intuisi Melayu pada zaman dahulu. Makna permukaan peribahasa ini diperoleh dengan merujuk kamus-kamus peribahasa yang diterbitkan oleh badan-badan yang berwibawa atau dengan membuat rujukan di Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka secara dalam talian di laman sesawang <http://prpmv1.dbp.gov.my/>. Semantik skrip adalah makna setara yang hanya menunjukkan makna tersurat sahaja dan tidak dihuraikan dengan lebih mendalam.

#### TAHAP 2: SEMANTIK RESONANS

Setelah makna kamus peribahasa dijelaskan melalui peringkat semantik skrip, analisis selanjutnya dilakukan dengan menghubungkan makna peribahasa tersebut dengan teori, data, dan kognitif penutur serta hubungannya dari aspek kebahasaan yang ditunjukkan melalui bukti linguistik. Analisis pada

tahap kedua yang dinamakan semantik resonans ini dilakukan dengan menggunakan contoh ujaran dalam konteks sebenar. Proses analisis data pada peringkat semantik resonans ini dilakukan dengan menerapkan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). RRS ialah suatu pendekatan dalam bidang pragmatik di bawah Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) yang kemudiannya dikemas kini pada tahun 1995 seperti konteks, kesan kognitif dan usaha memproses.

### **TAHAP 3: SEMANTIK INKUISITIF**

Analisis peringkat seterusnya adalah dengan menggunakan semantik inkuisitif untuk mengkaji makna implisit peribahasa. Pada tahap ketiga, analisis makna dilakukan dengan lebih mendalam untuk mencungkil falsafah dan akal budi Melayu dengan mempersoalkan pemilihan imej atau subjek tertentu yang digunakan dalam ungkapan peribahasa tersebut. Berdasarkan sumber yang diperoleh melalui data, teori dan kognitif, pengkaji perlu menimbulkan persoalan demi persoalan sehingga alasan sebenar sebab pemilihan leksikal tersebut digunakan dalam ungkapan sesebuah peribahasa itu ditemui. Hal ini dilakukan dengan tujuan supaya makna peribahasa tersebut dapat difahami dengan lebih mendalam sehingga ke akar umbi bagi membongkar rahsia kebijaksanaan pemikiran Melayu pada zaman dahulu kala (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

### **DAPATAN KAJIAN**

Setelah melakukan semakan dan penelitian terhadap kumpulan data, pengkaji telah mengenal pasti tujuh peribahasa yang berasosiasi dengan maksud ‘Pendidikan’ menurut Kamus Dewan (2015). Peribahasa yang dipilih untuk dikelompokkan di bawah tema ‘Pendidikan’ adalah yang mempunyai asosiasi makna dengan maksud pendidikan itu sendiri seperti ‘mendidik’, ‘didikan’, ‘ilmu’, ‘belajar’ dan ‘pelajaran’. Bagi tujuan analisis data pula, hanya satu peribahasa yang berada di kedudukan paling atas akan dibincangkan. Jadual 2 menunjukkan data peribahasa yang telah dikelompokkan di bawah tema ‘Pendidikan’.

**Jadual 2.** Data peribahasa bertemakan ‘Pendidikan’

<b>Bil.</b>	<b>Peribahasa</b>	<b>Maksud Kamus</b>	<b>Asosiasi Makna</b>
1.	Hanya jauhari mengenal manikam	Orang yang bijak sahaja yang mengetahui keelokan ilmu/ orang yang pandai dan tahu membuat penilaian dengan tepat	Ilmu
2.	Bagaimana acuan, begitulah kuihnya	Seseorang anak akan mengikut perangai atau didikan ibu dan bapanya	Didikan / Mendidik
3.	Hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai	Sekiranya hendak belajar sesuatu, belajarlah daripada orang yang ahli/pakar dalam bidangnya	Belajar
4.	Melentur buluh biarlah dari rebungnya	Mendidik anak biarlah sejak mereka dari kecil lagi	Didikan / Mendidik
5.	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk	Makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat, makin merendah diri	Ilmu
6.	Belum tahu di masin garam, belum tahu dipedas lada	Belum cukup pengalaman/ilmu	Ilmu
7.	Lubuk akal tepian ilmu	Orang yang sangat luas ilmu pengetahuan	Ilmu

## ANALISIS MAKNA PERIBAHASA ‘HANYA JAUHARI MENGENAL MANIKAM’

### **Analisis Tahap 1: Semantik Skrip**

Analisis pada peringkat semantik skrip hanya melibatkan data yang dikemukakan dengan makna setara sahaja dan tidak diuraikan secara mendalam. Maksud kamus peribahasa ‘Jauhari juga yang mengenal manikam’ ialah ‘orang yang bijak sahaja yang mengetahui keelokan ilmu/orang yang pandai dan tahu membuat penilaian dengan tepat’.

### **Analisis Tahap 2: Semantik Resonans**

Pembuktian linguistik yang ditemui dalam data korpus dapat membantu pengkaji untuk mentafsir makna peribahasa melalui perspektif kognitif selain dapat menonjolkan perhubungan antara gandingan jauhari dengan manikam dalam peribahasa ini. Berikut dipaparkan contoh data korpus yang menggunakan peribahasa ‘Jauhari juga yang mengenal manikam’.

*Hati kecilnya bagaikan berbisik, betapa kupasan ilmu seumpama itu hanya boleh dimengerti oleh ulama-ulama sufi seperti Abu Yazid Bustami, Al-Hallaj, Imam Gazali, Ibnu Arabi, Jalaluddin Rumi, atau Suhrawardi. Mereka tentunya akan lebih mudah melafazkan penjelasan tentang falsafah tasawuf golongan sufi tersebut. Justeru, mereka \*\*\***jauhari yang mengenal manikam\*\*\* dalam perbahasan ilmu makrifatullah.***

(Sumber: prpm.dbp.gov.my)

Berdasarkan konteks ayat di atas, peribahasa ‘Jauhari yang mengenal manikam’ dilihat mempunyai anteseden yang jelas untuk membolehkan maknanya difahami oleh pendengar/pembaca. Makna peribahasa ini pada dasarnya tidak susah untuk diproses jika pendengar/pembaca meneliti maklumat tambahan yang terdapat dalam ayat tersebut. Walau bagaimanapun, proses kognitif untuk mengaitkan tafsiran makna peribahasa ini dalam konteks ayat di atas memerlukan pengalaman dan pengetahuan oleh pendengar tentang maksud harfiah ‘jauhari’ dan ‘manikam’ itu sendiri.

Menurut Kamus Dewan (2015), ‘jauhari’ diberi maksud ‘tukang atau saudagar permata’ dan ‘manikam’ pula bermaksud ‘batu permata, intan, ratna’. Dengan RRS, leksikal ‘kupasan ilmu seumpama itu’ dapat dirujuksilangkan dengan ‘manikam’, manakala leksikal ‘dimengerti oleh ulama-ulama sufi’ pula boleh dirujuk silang dengan ‘jauhari’. Dalam konteks ayat ini, jelas menunjukkan bahawa falsafah dalam ilmu tasyuf yang dikupas dan dibicarakan hanya difahami oleh ‘mereka’ yang dirujuk kepada ulama-ulama sufi yang dilihat sememangnya pakar dalam bidang mereka. Hal ini dapat dikaitkan dengan makna harfiah peribahasa ini, iaitu hanya tukang atau saudagar permata yang akan mengenali intan dan permata.

Rumusannya, kos memproses sesuatu peribahasa dapat dikesan sama ada rendah atau tinggi bergantung pada konteks dan kesan konteks yang terdapat dalam dapatan data korpus ini. Analisis makna peribahasa yang disokong dengan RRS telah membantu pembaca mahupun pendengar memahami konteks dalam situasi sebenar makna harfiah peribahasa ini walaupun tidak merujuk makna pada peringkat semantik skrip.

### **Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Pada peringkat ini, pengkaji perlu mempersoalkan; kenakah masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan imej ‘jauhari’ dan ‘manikam’ dalam peribahasa ini untuk menunjukkan hanya orang yang mempunyai ilmu dalam bidangnya akan pandai membuat penilaian yang tepat? Berdasarkan kerangka kajian semantik inkuisitif, persoalan demi persoalan perlu dikemukakan untuk mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati peribahasa ini. Dari segi istilah yang telah pengkaji nyatakan dalam huraian semantik resonans di atas, ‘jauhari’ bermaksud ‘tukang atau saudagar permata’ dan ‘manikam’ pula ialah ‘batu permata, intan dan ratna’. Persoalan pertama yang timbul ialah, kenakah digunakan leksikal ‘jauhari’ dan ‘manikam’, tetapi bukannya ‘tukang permata’ dan ‘batu permata’ dalam ungkapan

ini dan juga kenapakah masyarakat Melayu pada zaman dahulu memilih imej ‘jauhari’ dan ‘manikam’ untuk digunakan dalam ungkapan peribahasa ini?

Menurut Abdullah Hassan (2005), terdapat beberapa peribahasa Melayu yang terbentuk melalui proses penggunaan bahasa asing. Antara peribahasa yang menggunakan kata pinjaman daripada bahasa asing, iaitu bahasa Sanskrit ialah peribahasa ‘jauhari juga yang mengenal manikam’. Pengaruh bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu disebabkan oleh faktor sejarah di Tanah Melayu, iaitu bermula pada abad ke-7 apabila Kerajaan Melayu Tua memulakan hubungan perdagangan dengan pedagang-pedagang daripada India dan membentuk Kerajaan Srivijaya. Pedagang-pedagang dan pendeta daripada India telah memainkan peranan besar dalam pengembangan budaya, bahasa dan agama di Tanah Melayu sebelum kedatangan agama Islam (Nazaruddin Mohd Jali, Ma’rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah & Ismail Mohd Rashid, 2008). Oleh sebab itu, kita dapat melihat pengaruh bahasa Sanskrit telah digunakan dalam bahasa Melayu sehingga sekarang.

Persoalan kedua pula, kenapakah imej ‘jauhari’ dan ‘manikam’ digunakan dalam peribahasa ini? Penggunaan imej ‘jauhari’ dan ‘manikam’ dalam peribahasa ini pada dasarnya merupakan gandingan yang tepat untuk menunjukkan tentang kepakaran yang dimiliki oleh seseorang. Kedua-dua imej ini berperanan sebagai pelengkap antara satu sama lain kerana sudah tentu tukang permata ataupun pedagang permata lebih mengenali keaslian dan kualiti yang ada terdapat pada batu permata. Seseorang yang bekerja sebagai tukang permata perlu melalui proses yang lama untuk memiliki kemahiran ini seperti keupayaan untuk menilai keaslian, kualiti dan kehalusan ukiran batu permata sehingga memakan masa 30 tahun. Individu yang bekerja sebagai tukang permata dikatakan akan melalui proses pembelajaran yang berterusan untuk menjadi seseorang yang pakar dalam bidang batu permata (Nurul Fatihah Sulaini, 2016).

Peribahasa ini pada dasarnya memotivasikan elemen dan pengaruh ‘masa’, iaitu untuk menjadi seseorang pakar atau memiliki kemahiran tinggi dalam sesuatu bidang ilmu atau pekerjaan tempoh masa memainkan peranan penting. Seseorang yang melalui proses menimba ilmu dalam waktu tempoh yang lama sudah tentu berbeza dengan seseorang yang menuntut ilmu dalam waktu yang singkat. Oleh hal yang demikian, maka tidak hairanlah masyarakat Melayu pada zaman dahulu kala menggunakan imej ‘jauhari’ untuk menggambarkan seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang pengetahuan. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk menjadi ‘jauhari’, seseorang itu perlu melalui proses pembelajaran dan pengalaman yang sangat lama.

Oleh itu, melalui penganalisisan makna peribahasa menggunakan semantik inkuisitif ini dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempunyai pengamatan yang tinggi terhadap hal-hal yang berlaku di sekeliling mereka. Pengamatan yang dilakukan bukan sahaja terhadap unsur-unsur alam tetapi juga bidang pekerjaan masyarakat pada ketika itu. Proses pembelajaran untuk memiliki sesuatu kemahiran pada asasnya memerlukan masa yang lama dan komitmen yang tinggi agar mencapai tahap kepakaran yang benar-benar berkualiti. Seterusnya, melalui semantik inkuisitif pengkaji telah berjaya menonjolkan falsafah dan akal budi Melayu yang terkandung di sebalik makna peribahasa ‘jauhari juga yang mengenal manikam’.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada analisis makna peribahasa ‘Hanya jauhari mengenal manikam’ di bawah tema ‘Pendidikan’ dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, makna peribahasa dapat difahami dalam pelbagai konteks yang dapat digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Melalui hasil analisis data, pengaplikasian semantik inkuisitif dalam proses pembelajaran makna peribahasa yang berasaskan inkuiri pada dasarnya berupaya untuk merangsang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar jika mendapat bimbingan yang sewajarnya daripada guru. Jika sebelum ini pelajar hanya mengetahui makna kamus peribahasa, namun dengan berpandukan kaedah yang bersesuaian seperti pendekatan semantik inkuisitif dapat membantu pelajar untuk memahami makna peribahasa berdasarkan data, teori, kognitif dan akal budi dengan cara

meneroka makna sebenar peribahasa dengan lebih mendalam. Kajian oleh George Romiko Bujang dan Mary Fatimah Subet (2022a, 2022b) turut menyatakan pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dapat membantu merangsang kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar.

Bukan itu sahaja, kandungan pembelajaran peribahasa boleh diajar secara berperingkat mengikut tahap kemahiran berfikir aras tinggi dan kognitif pelajar berpandukan Hierarki Taksonomi Bloom (Anderson et al., 2000) dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Bermula dengan pengetahuan makna kamus diikuti dengan mengaplikasi dan memahami makna peribahasa dalam konteks ayat berdasarkan maksud yang ingin disampaikan melalui ujaran penutur jati. Akhir sekali adalah peringkat tertinggi, iaitu menganalisis makna peribahasa dengan lebih mendalam dan menyeluruh untuk menilai semula aspek pemilihan imej atau subjek dalam peribahasa dan akhirnya murid dapat mencipta penemuan dan pengetahuan baharu serta memahami dan mengapresiasi karya sastera Melayu.

Hasil analisis terhadap makna peribahasa dalam kajian ini juga telah berjaya menonjolkan kepelbagaiannya ilmu pengetahuan yang merentas disiplin ataupun disebut sebagai Elemen Merentas Kurikulum dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Dapatkan ini selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2019,2022), Murthy dan Mary Fatimah Subet Subet (2019, 2020), Junaini Kasdan dan Julainan Nopiah (2021), dan Muhamad Fadzillah Zaini & Nor Hashimah Jalaluddin (2019) yang turut berpendapat bahawa kajian semantik inkuisitif mampu menonjolkan kepelbagaiannya ilmu merentas disiplin dalam hasil analisis data makna peribahasa. Menurut Muhamad Zuhair Zainal, Hasmidar Hassan dan Aznan Che Ahmad (2024), dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa guru perlu menekankan juga konsep pendekatan secara bersepada, iaitu dengan menggabungkan link pembelajaran bahasa dengan aspek-aspek lain dengan tujuan melahirkan murid yang berpengetahuan luas. Tidak terhad dalam lingkungan kajian bahasa dan makna sahaja, kajian ini juga telah berjaya menonjolkan ilmu berkaitan pembuatan batu permata melalui analisis makna peribahasa ‘Hanya jauhari mengenal manikam’. Melalui dapatkan hasil kajian ini, Pendekatan Semantik Inkuisitif sememangnya dilihat dapat dijadikan panduan oleh guru sebagai kaedah alternatif untuk pengajaran seni bahasa Melayu terutamanya peribahasa untuk menjadikan kandungan pembelajaran bahasa Melayu lebih bersifat holistik.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pengaplikasian kerangka kajian semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 telah menunjukkan bahawa pembelajaran makna peribahasa berlaku secara menyeluruh dalam pelbagai konteks. Pendekatan semantik inkuisitif pada dasarnya tidak terhad penggunaanya dalam bidang linguistik untuk mengkaji bahasa dan makna sahaja. Semantik inkuisitif turut dapat dimanfaatkan oleh guru-guru Bahasa Melayu sebagai alternatif dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa di sekolah menengah terutamanya untuk peringkat menengah atas. Pendekatan semantik inkuisitif dilihat menepati ciri-ciri strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam dokumen Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 seperti Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Pembelajaran Kontekstual, dan Elemen Merentas Kurikulum. Kaedah pembelajaran makna peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dilihat berupaya untuk menjadikan proses pembelajaran peribahasa dalam bilik darjah menjadi lebih bermakna. Selain dapat digunakan untuk memahami makna peribahasa secara lebih abstrak, semantik inkuisitif juga berjaya menonjolkan pembelajaran multidisiplin merentasi bidang kajian bahasa itu sendiri yang dapat membantu pelajar meluaskan lagi pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan seterusnya menghargai dan menghayati keindahan peribahasa sebagai warisan bangsa.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik am*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahmood Musanif, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Nor Azuan Yaakob & Norizan Che Su. (2011). Pengetahuan makna peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Linguistik*, 13(1), 1-16.
- Aisa Nurfika Mohd Sabarudin & Nurul Jamilah Rosly. (2021) Unsur bunga dalam peribahasa Melayu: analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4 (2), 188-207.
- Aminnudin Saimon & Muhammad Asyraf Md. Rashid. (2022). Konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 12(1), 6-17. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v12i1.6839>
- Anderson, L.W., Krathwohl, D.R., Airasian, P.W., Cruikshank, K.A., Mayer, R.E., Pintrich, P.R., Raths, J. & Wittrock, M.C. (2000). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York, NY: Longman.
- Azarudin Awang, Che Zuina Ismail, Wan Helmy Shahriman & Rubiah Abu Bakar. (2022). Tahap pengetahuan, persepsi dan sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran peribahasa nilai islam dalam kursus penghayatan etika dan peradaban (CTU554). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 44-55. <https://doi:10.55573/jised.074504>
- Aziraz Abu Bakar, Nik Ammar Syaffian, Nik Rosli Ibrahim, Zanariah Mat Isa, Rosemini Abdul Salam & Mohd Sarifuddin Mat Salleh. (2020). Augmented reality mengatasi miskonsepsi pembentukan peribahasa. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 19(1), 26-32. <https://doi.org/10.37934/arsbs.19.1.2632>
- Datu Ramlee Datu Amir Hussin. (2020). Meningkatkan penguasaan penggunaan peribahasa dalam kalangan pelajar tingkatan 3 amanah melalui project based learning: Kamus mini 3D. Paper presented at International Conference on Education, Social Sciences & Technology. Sabah: Universiti Malaysia Sabah, December.
- George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet. (2022a). Memperkasakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mengungkai makna di sebalik bahan seni bahasa: Satu pendekatan semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 5(1), 101-113. <https://doi.org/10.37231/apj.2022.5.1.317>
- George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet. (2022b). Meneroka makna ungkapan dalam bahan seni bahasa tahun lima: Satu analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 09-12.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Julaina Nopiah & Fikratul Jahriyyah Anuar. (2023). Unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 1-32.
- Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli & Maizura Osman. (2023). Cerminan kuasa melalui peribahasa Melayu yang berobjekkan ‘gajah’ dan ‘harimau’: Analisis semantik inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 2, 241–266. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.11>
- Junaini Kasdan & Julaina Nopiah. (2021) Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59-72.
- Kamus Dewan. (2015). *Kamus dewan* (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum standard sekolah menengah bahasa Melayu: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tingkatan 4 dan 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Retrieved May 16, 2023 from <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-sekolah-menengah>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Bahasa Melayu tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Bahasa Melayu tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In C. Travis (Pynt.) (Ed), *Meaning and interpretation* (pp. 135-154). New York, NY: Basil Blackwell.
- Kinanti, K. P. & Rachman, A. K. (2019). Padi bagi masyarakat Indonesia: Kajian semantik inkuisitif pada peribahasa Indonesia. *Basastra*, 8(1).
- M. Zahir Zazuli & Hermandra. (2023). Pemaknaan dan keterbacaan peribahasa dalam kebudayaan Melayu berbasis semantik inkuisitif. *GAUNG: Jurnal Ragam Budaya Gemilang*, 1 (2), 93-106.
- Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI)*, 16(2), 227-253.
- Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Semantik inkuisitif dan penggabunganannya dengan pendidikan melalui kaedah pengajaran peribahasa Melayu. Unpublished master’s thesis, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, Malaysia.
- Mohd. Tajuddin Abd. Rahman. (2017). *Kamus peribahasa* (5th ed.). Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Mohd. Tajuddin Abd. Rahman. (2022). *Kamus peribahasa*. Selangor: Penerbit Ehsan (M) Sdn. Bhd.
- Muhamad Fadzllah Zaini & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Struktur seni bina Melayu “Tangga” dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 1-26.
- Muhammad Nor Sahfiq Amran & Julaina Nopiah. (2020). Peribahasa Melayu berunsurkan burung: Satu analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 1-18.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2019). "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik": Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia* 40(1): 179–213. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.9>
- Muhammad Zuhair Zainal, Hasmidar Hassan & Aznan Che Ahmad. (2024). Penerapan teras hati budi melayu dalam pengajaran bahasa melayu melalui lakuan pertuturan guru. *PENDETA*, 15(1), 1–15. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.1.2024>
- Murthy, T. & Mary Fatimah Subet. (2019). Imej Katak (தவனை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 4(1), 31-41.
- Murthy, T. & Mary Fatimah Subet. (2020). Gajah (ஷாணை) dalam peribahasa tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 134-146. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.190>
- Murthy, T., Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2019a). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)* 3(2): 117–129.
- Murthy, T., Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2019b). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)* 7(2): 70–88.
- Murthy, T., Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2019c). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika* 11(1): 73–80.
- Nazaruddin Mohd Jali, Ma’rof Redzuan, Asmarulkhadi Abu Samah & Ismail Mohd Rashid. (2008). Pengajian Malaysia (2nd ed.). Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Nor Hani Suhaimi & Mohamad Nik Mat Pelet. (2024). Kesantunan bahasa dalam Novel KOMSAS Silir Daksina. *PENDETA*, 15(1), 16–26. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.2.2024>
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10(1), 158-172.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norleyza Jailani, Cindy Tan Shing Ning, Rodziah Latih, Amira Ismail, Zurina Muda, Marini Abu Bakar, Azmin Sham Rambely, Maslida Yusof & Norhayati Md Yatim. (2020). Reka bentuk aplikasi multimedia berdasarkan kinect untuk pembelajaran peribahasa melayu. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)*. 12(2), 152-176.
- Nurul Amisyah Nabila Jaafar, Nurul Farah Nadiah Maspion, Nurul Balqish Mat Jurit & Zuraida Ibrahim. (2022). Meneroka peribahasa: Aplikasi permainan dan pembelajaran peribahasa melayu sekolah rendah tahun 1 hingga tahun 6. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation (MARI)*. 3(2), 120-128. <https://doi.org/10.30880/mari2022.03.02.015>
- Nurul Fatihah Sulaini. (2016). 30 tahun timba ilmu ukir batu permata. *Berita Harian*. Diperoleh pada July 20, 2023 from <https://www.bharian.com.my/node/126171>.
- Rahmat Subadah. (2020). Keseronokan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Melayu menggunakan aplikasi bitara kata: Pengalaman singapura. *Muallim Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 4 (2), 70-86.
- Samathayakul, A. & Thamaduangsri, S. (2022). Uses of learning media for improving the use of proverbs in communication of students with vision disabilities. *Journal of Educational Issues*, 8 (1), 345-355.
- Saprilline, Dina Mardiana & Simpurna. (2023). Model terpadu buku cerita rakyat, ungkapan dan peribahasa berbahasa Dayak Ngaju-Indonesia untuk sekolah dasar. *Enggang: Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya* 3 (2), 1-13.
- Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah & Mary Fatimah Subet. (2021). Imej perlambangan ‘tangan’ dalam simpulan bahasa melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 108-131. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.261>
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. New York, NY: Blackwell Publishers.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Postface relevance: Communication and cognition*. New York, NY: Blackwell Publisher.

Tang, M. N. H., Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa & Norfaizah Abdul Jobar. (2021). Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan pelajar berdasarkan teori relevans. *Jurnal Linguistik*, 25(1), 1-20.